



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

KPDN LANCAR INISIATIF "JOM KOSONG" BERSAMA PEMAIN INDUSTRI MAKANAN BAGI MENYOKONG KEMPEN PERANGI GULA

KUALA LUMPUR, 11 September 2024 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) hari ini melancarkan inisiatif 'Jom Kosong' bersama pemain industri makanan bagi menyokong Kempen Perangi Gula yang diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Majlis pelancaran 'Jom Kosong' telah berlangsung di Cafe Whisk, Damansara City Mall, Kuala Lumpur.

YAB Perdana Menteri baru-baru ini telah melancarkan Kempen Perangi Gula pada 8 September 2024 yang lalu. Kempen ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada rakyat supaya menjaga kesihatan daripada penyakit yang berpunca daripada pengambilan gula yang berlebihan yang akan menyebabkan berlakunya peningkatan kes penyakit obesiti dalam kalangan rakyat.

Kempen 'Jom Kosong' ini merupakan inisiatif yang diwujudkan oleh KPDN bersama-sama pemain industri makanan dalam menggalakkan pengguna agar memilih minuman tanpa gula supaya lebih sihat. Pelancaran inisiatif 'Jom Kosong' ini diadakan di Whisk Cafe yang juga merupakan ahli kepada Small and Medium Enterprises Association (SAMENTA). SAMENTA mempunyai lebih 4,700 ahli di seluruh Malaysia dan lebih 600 ahli persatuan tersebut merupakan *operator* makanan (F&B). Pihak SAMENTA mensasarkan 10% daripada ahlinya akan melaksanakan kempen 'Jom Kosong' pada tahun ini dan 30% ahlinya akan turut menyertai kempen tersebut pada tahun 2025.

KPDN akan turut bekerjasama dengan persatuan-persatuan restoran lain seperti Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (PRIMAS), Persatuan Sahabat Tom Yam Prihatin Semalaysia, Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors' General Association (MSCSPGA), Malaysia Retail Chain Association (MRCA) dan *Malaysia Retailers Association* (MRA), dan *Bumiputra Retailers Organisation* (BRO).

Bagi menyahut kempen 'Perangi Gula' ini, KPDN bersetuju untuk mengeluarkan produk-produk makanan dan minuman yang mengandungi gula daripada senarai barangan yang diberikan diskaun harga dalam Program Jualan RAHMAH MADANI mulai 1 Oktober 2024.

KPDN juga akan bekerjasama erat bersama-sama KKM untuk melaksanakan strategi-strategi lain dalam Kempen 'Perangi Gula' bagi memberikan kesedaran kepada pengguna dan komuniti untuk menjalani aktiviti hidup yang sihat melalui pemakanan yang sihat dan seimbang.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi Sekretariat Perdagangan Pengeedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP) di talian hotline 03- 8882 5881/ 5905 atau melalui e-mel kepada spip@kpdn.gov.my.

YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###